

## TEMA

- Esei hendaklah memfokuskan tema seperti yang berikut:
  - Sejarah dan Perjuangan PEMENANG dalam Memperkukuh Jati Diri.
  - Peranan dan Jasa Tokoh Pemimpin PEMENANG dalam Memelihara Kepentingan Sosial dan Ekonomi.
  - Sumbangan PEMENANG dalam Mengekalkan Sejarah dan Warisan Pulau Pinang.
  - Kegiatan PEMENANG dalam Aktiviti Sosial, Kesenian, Kebudayaan, dan Kemasyarakatan.
- Setiap peserta dibenarkan untuk menulis esei pengisahan dengan meliputi pelbagai tajuk dan aspek.

## ASPEK PENILAIAN

- Rubrik penilaian merujuk kepada beberapa aspek meliputi format penulisan, pengolahan isi, kebermanasan idea, laras bahasa, nilai dan kemantapan rujukan.
- Penilaian dibuat berdasarkan rubrik analitis dan secara holistik terhadap aspek seperti yang berikut:
  - Fakta Sejarah**  
Fakta sejarah akan disemak sama ada bersesuaian dengan isi kandungan esei dan digalakkan untuk menyertakan sumber rujukan.
  - Penggunaan Bahasa**  
Aspek penggunaan bahasa yang akan dinilai, merangkumi gaya dan laras bahasa, ejaan, tatabahasa, tanda baca, dan sebagainya.
  - Gaya Penulisan**  
Aspek kreativiti penulisan dan penyampaian yang baik dan menarik.

## BORANG PENYERTAAN

### PERTANDINGAN PENGISAHAN SEJARAH PEMENANG BERSEMPENA DENGAN ULANG TAHUN KE-90 PEMENANG

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tingkatan/Jurusan : .....

Nama dan Alamat Sekolah/Universiti : .....

No. Tel. : .....

Faks/E-mel : .....

Tajuk Esei : .....

Tema Esei : .....

Disahkan oleh: Cap sekolah/Universiti:

Nama Pengetua/Dekan: .....

Hantarkan borang penyertaan secara dalam talian menerusi e-mel atau melalui kepada:

- Kategori A - Pelajar Sekolah Menengah**  
Urus Setia,  
Pertandingan Pengisahan Sejarah PEMENANG Bersempena Ulang Tahun ke-90 PEMENANG,  
Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad,  
Kampung Kastam, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.  
Tel. : 04-658 1272  
Faks : 04-6583644  
E-mel : sekretariat.esei.pemenang@gmail.com
- Kategori B - Pelajar Institut Pengajian Tinggi**  
Urus Setia,  
Pertandingan Pengisahan Sejarah PEMENANG Bersempena Ulang Tahun ke-90 PEMENANG,  
Unit Penyelidikan Pendidikan Asas,  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.  
Tel. : 04-658 3446  
Faks : 04-655 1460  
E-mel : uppa@usm.my

## HADIAH

Hadiah wang tunai, trofi, hadiah iringan dan sijil penyertaan diberikan berdasarkan kategori yang berikut:

- Peringkat Menengah Rendah (Tingkatan 1, 2 dan 3)  
Tempat Pertama - RM250.00  
Tempat Kedua - RM200.00  
Tempat Ketiga - RM150.00  
Sagu hati (5 pemenang) - RM50.00 x 5 : RM250.00
- Peringkat Menengah Atas (Tingkatan 4, 5 dan 6)  
Tempat Pertama - RM350.00  
Tempat Kedua - RM300.00  
Tempat Ketiga - RM250.00  
Sagu hati (5 pemenang) - RM50.00 x 5 : RM250.00
- Institut Pengajian Tinggi  
Tempat Pertama - RM400.00  
Tempat Kedua - RM350.00  
Tempat Ketiga - RM300.00  
Sagu hati (5 pemenang) - RM50.00 x 5 : RM250.00


## KETERANGAN LANJUT

Sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Unit Penerbitan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara,  
No. 31, Lorong PERDA Selatan 2,  
Bandar PERDA,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang  
Telefon : 04-5377241  
Faks : 04-5377245  
E-mel: roshasliza@dbp.gov.my

dan

Unit Penyelidikan Pendidikan Asas,  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800, USM,  
Pulau Pinang.  
Tel : 04-658 3446  
Faks : 04-655 1460  
E-mel : uppa@usm.my  
Laman sesawang : uppa.usm.my  
Maklumat dan rujukan boleh didapati di laman web PEMENANG: www.pemenang.org.my dan rumah PEMENANG, No 60, Jalan Pemenang, Pulau Pinang.



**TARIKH TUTUP PENYERTAAN**  
**17 JULAI 2017**

## PENGENALAN

Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) dan Unit Penyelidikan Asas (UPPA), Universiti Sains Malaysia (USM) serta Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad selaku urus setia menganjurkan Pertandingan Pengisahan Sejarah Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) bersempena dengan Ulang Tahun ke-90 PEMENANG. Pertandingan ini melibatkan penyertaan pelajar sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi di Pulau Pinang. Pertandingan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan penghayatan generasi muda tentang sejarah, perjuangan, sumbangan dan kegiatan PEMENANG.

## PENDAHULUAN

Sejarah merupakan suatu yang perlu difahami dan dihayati oleh masyarakat dalam menyemai rasa cinta akan agama, bangsa dan negara. Pengetahuan sejarah amat penting untuk dipelajari dalam memahami konsep perpaduan bangsa dan kerjasama dalam memperjuangkan kemerdekaan di samping mengukuhkan kedudukan dan taraf hidup bangsa. Hal ini sangat penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Oleh hal yang demikian, kesedaran dan penghayatan terhadap nilai sejarah tempatan perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat bermula daripada generasi muda di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pelbagai usaha dilakukan bagi melahirkan generasi muda yang memahami dan menghayati perjuangan pertubuhan dan organisasi yang memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat melalui sumbangan tokoh, pemimpin dan individu yang terdahulu yang menggembelng usaha dan menabur jasa kepada masyarakat sejak dahulu hingga kini.

PEMENANG merupakan sebuah organisasi yang diwujudkan bagi memperjuangkan kemerdekaan negara dan menjaga hak dan kepentingan serta sosioekonomi orang Melayu di Pulau Pinang sejak awal penubuhannya pada tahun 1920-an hingga kini.

Bagi mencapai matlamat ini, PEMENANG dengan kerjasama DBPWU dan USM mengambil inisiatif dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam penulisan melalui Pertandingan Pengisahan Sejarah PEMENANG Bersempena dengan Ulang Tahun ke-90 PEMENANG. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan dan penulisan dalam bahasa Melayu, dan memupuk pemikiran kritis kepada peserta. Di samping itu, pertandingan ini dalam menyuburkan kesedaran dan penghayatan patriotisme terhadap sejarah penubuhan, peranan dan perjuangan tokoh PEMENANG. Penghayatan nilai sejarah penubuhan dan peranan sesebuah organisasi menjadikan peserta sebagai pelapis dan pemimpin negara pada masa hadapan yang mempunyai jati diri dan semangat patriotisme terhadap bangsa dan negara.

## OBJEKTIF

- Untuk mendedahkan dan memberikan penghayatan kepada peserta tentang penubuhan dan sejarah PEMENANG.
- Untuk melahirkan pelajar yang berilmu dan berfikiran kritis yang berupaya menghasilkan penulisan esei yang berkualiti.
- Untuk mencungkil bakat penulisan dan minat berkarya dalam bahasa Melayu.
- Untuk menyuburkan aktiviti kajian dan penyelidikan berkaitan sejarah dan peranan, dan sumbangan tokoh sesebuah pertubuhan dan organisasi.
- Untuk menerbitkan karya penulisan yang bermutu sebagai bahan dokumentasi.

## SKOP

Menekankan tentang sejarah penubuhan, matlamat, peranan dan sumbangan PEMENANG.

## JUSTIFIKASI

Menggalakkan penyelidikan dan penulisan esei sejarah dalam bahasa Melayu.

## SYARAT PENYERTAAN

i. Pertandingan ini terbuka kepada peserta dalam **DUA kategori**, iaitu:

### 1) Kategori A - pelajar Sekolah Menengah di Pulau Pinang

Pelajar Sekolah Menengah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:

- a) Sekolah Menengah Rendah – Tingkatan 1, 2 dan 3
- b) Sekolah Menengah Atas – Tingkatan 4, 5 dan 6

### 2) Kategori B - pelajar Institut Pengajian Tinggi di Pulau Pinang

ii. Setiap peserta dikehendaki mengemukakan **SATU** esei sahaja yang ditulis dalam bahasa Melayu mengikut **SATU** pilihan tema.

iii. Esei hendaklah tidak melebihi jumlah patah perkataan yang ditetapkan, iaitu:

- a) Sekolah Menengah Rendah Tingkatan 1, 2 dan 3 – **1500 patah perkataan**
- b) Sekolah Menengah Atas Tingkatan 4, 5 dan 6 – **2000 patah perkataan**
- c) Institut Pengajian Tinggi – **3000 patah perkataan**

Jumlah perkataan **hendaklah** dicatatkan pada penghujung esei.

iv. Esei hendaklah ditaip di atas kertas saiz A4 dalam jarak **langkau dua** baris dan menggunakan fon **jenis Arial, bersaiz 11**.

v. Esei mestilah karya asli dan belum pernah disiarkan dalam mana-mana penerbitan.

vi. Esei hendaklah bebas daripada unsur negatif yang menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat dan menyentuh sensitiviti individu, kaum, agama dan politik.

viii. Maklumat peserta hendaklah diisi dengan lengkap dalam borang penyertaan rasmi yang dilampirkan. Peserta tidak dibenarkan menulis nama atau sebarang pengenalan diri pada cetakan esei yang dikemukakan. Borang yang tidak lengkap boleh menyebabkan penyertaan tidak dipertimbangkan.

ix. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Penyertaan yang gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh penganjur tidak akan dipertimbangkan.

x. Esei mestilah dihantar bersama-sama borang penyertaan kepada urus setia pertandingan secara dalam talian menerusi e-mel atau melalui pos.

xi. Tarikh tutup penyertaan adalah sebelum atau pada 17 Julai 2017 (hari Isnin, jam 4.00 petang).

